

UPM menang emas

pameran Water Malaysia

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) memenangi pingat emas pada pameran Water Malaysia 2009 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur baru-baru ini.

Kemenangan itu diperoleh hasil projek *ImprintSorb for Rapid Removal of Dye from Aqueous Environment* oleh pensyarah Fakulti Sains, Dr. Nor Azah Yusof.

ia adalah penghasilan ImprintSorb (penjerap) yang berasaskan polimer cetak (*imprint polymer*) untuk rawatan air seperti pewarna dari air kumbahan dengan pantas dan berkesan.

Nor Azah berkata, kelebihan penjerap ini adalah mudah dikitar semula dan boleh diguna semula sehingga 100 kali.

“Malah ia tahan terhadap suasana persekitaran yang ekstrem dan kaedah penyimpanan yang sangat mudah,” katanya kepada *Mega* selepas menyertai pertandingan yang diadakan buat kali kelima itu.

Menurut Nor Azah, penjerap itu sesuai digunakan pihak industri fabrik yang banyak menggunakan pewarna sehingga menyebabkan pencemaran air yang berleluasa.

Seorang lagi penyelidik UPM, Prof. Dr. Mohd. Razi Ismail dari Fakulti Pertanian memenangi pingat gangsa melalui produk *Water Saving in Horticultural Crop Production*.

Pameran Water Malaysia adalah berkaitan penyelidikan dan pembangunan dalam industri air anjuran *The Malaysian Water Association* dan *Malaysian Association of Research Scientists* (MARS) dengan mempertandingkan 20 penyertaan.



DR. NOR AZAH YUSOF (kanan) menerangkan tentang penjerap berasaskan polimer cetak untuk rawatan air seperti pewarna dari air kumbahan dengan pantas dan berkesan di PWTC, baru-baru ini.